



NORLIZA (tengah) ketika merasmikan Karnival Semarak Kasih Merdeka PTPTN di Dewan dan Padang Koperasi Sungai Gelugor, George Town kelmarin. - IQBAL HAMDAN



NORLIZA (tengah) bergambar bersama salah seorang penerima sumbangan bakul makanan semasa sesi walkabout.

PTPTN terapkan nilai kemerdekaan menerusi kebebasan kewangan

GEORGE TOWN – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) terus komited membantu masyarakat agar lebih memahami aspek kebebasan kewangan menerusi Karnival Semarak Kasih Merdeka PTPTN yang diadakan di Dewan dan Padang Koperasi Sungai Gelugor, di sini kelmarin.

Penganjuran Karnival Semarak Kasih Merdeka PTPTN, yang diadakan secara on-ground event merupakan salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PTPTN bertujuan menghayati dan meraikan Bulan

Kebangsaan.

Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, melalui karnival itu, PTPTN menerapkan nilai kemerdekaan melalui kebebasan kewangan dalam kalangan masyarakat dengan perancangan kewangan yang baik dan merdeka daripada hutang.

"Kemerdekaan sewajarnya difahami bukan hanya bebas daripada dijajah. Kemerdekaan sebenar merupakan perjuangan masyarakat untuk menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik, memiliki kekuatan jati diri dan semangat cintakan negara.

"Kemerdekaan juga membawa mesej tentang kepentingan masyarakat mempunyai perancangan kewangan yang baik untuk bebas merdeka daripada bebanan hutang," katanya selepas merasmikan Karnival Semarak Kasih Merdeka PTPTN di sini kelmarin.

Turut hadir ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Connie Tan Hooi Peng; Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid dan Ketua Pemimpin Masyarakat Bukit Gelugor, Datuk Omar Faudzar. Pada karnival sama, PTPTN

juga tidak melupakan golongan kurang bernasib baik dan asnaf dengan menyumbang bakul makanan berupa barangan keperluan harian kepada 30 penerima.

Seorang ibu tunggal, Norfiza Aziz, 51, berkata, dia bersyukur kerana terpilih menerima bantuan bakul makanan daripada PTPTN dan bantuan itu sedikit sebanyak dapat meringankan beban kewangannya lapan beranak.

Menurut ibu kepada 10 anak, Rohailiza Omar, 40, dia berterima kasih kepada PTPTN kerana menghulurkan bakul makanan

kepada keluarganya sempena program karnival tersebut.

Seorang pelajar, Lia Tasnim Shamsul Bahri, 15, berkata, dia hadir bersama ibunya, Nor Azizah Majid, 47, untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN).

"Skim Simpan SSPN amat berguna kepada para pelajar kerana saya mahu melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi nanti, jadi karnival ini amat membantu saya mendapatkan pelbagai maklumat mengenai simpanan pendidikan," katanya.